

**Penulis blog pro-Umno Papa Gomo umum bersara
Malaysian Insider
June 6, 2013**

KUALA LUMPUR, 6 Jun — Penulis blog pro Umno Papa Gomo yang berhadapan dengan pelbagai kes saman fitnah mengumumkan untuk bersara dari dunia penulisan blog.

Menulis di akaun Twitternya @PapaGomo, beliau mengatakan perjuangannya dalam dunia penulisan blog sudah berakhir.

"I'm done (saya selesai). Itu yang Gomo boleh katakan dalam perjuangan dengan nama blog Papa Gomo. Bagi peluang blogger baru gegar alam maya ini," tulisnya Isnin lalu.

Penulis blog itu berhadapan dengan kes saman fitnah dari Ketua Pembangkang Datuk Seri Anwar Ibrahim yang akan didengar awal tahun depan.

Saman RM100 juta itu difailkan Anwar 21 Mac lalu dengan menamakan Wan Muhammad Azri Wan Deris sebagai pemilik blog berkenaan.

Ini disebabkan penayangan video lucah yang didakwa sebagai menyerupai ketua umum PKR itu.

Walau bagaimanapun, Wan Muhammad Azri menafikan beliau adalah pemilik blog berkenaan.

Walaupun mengumumkan mahu bersara, blog beliau masih lagi boleh diakses seperti biasa.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/penulis-blog-pro-umno-papa-gomo-um-um-bersara/>